



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA Perkara : KPT

TAJUK ARTIKEL : PENGANGGURAN BUKAN TAKDIR, MINDA USAHAWAN MEMBUKA JALAN

SUMBER : BERNAMA - 27 MAC 2026

Pengangguran Bukan Takdir, Minda Usahawan Membuka Jalan



File photo

27/03/2026 06:47 PM

Pendapat mengenai pelbagai isu semasa daripada peneraju pemikiran, kolumnis dan pengarang.



Oleh :
Prof Madya Sr Dr Nazirah Mohamad Abdullah



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA Perkara : KPT

TAJUK ARTIKEL : PENGANGGURAN BUKAN TAKDIR, MINDA USAHAWAN MEMBUKA JALAN

SUMBER : BERNAMA - 27 MAC 2026

Setiap tahun, dewan-dewan konvokesyen di seluruh negara bergema dengan sorakan kejayaan.

Puluhan ribu graduan melangkah keluar dengan segulung ijazah dan diploma, membawa harapan yang menggunung untuk membina kerjaya yang stabil.

Namun, sebaik sahaja jubah konvokesyen ditanggalkan, realiti sebenar mula menggigit.

Persoalan yang sering bermain di fikiran adalah: berapa ramai graduan yang benar-benar akan berjaya menempatkan diri dalam dunia pekerjaan?

Kita kini hidup dalam dunia yang tidak lagi menunggu kita untuk bersiap sedia.

Struktur pekerjaan tradisional sedang mengalami gegaran hebat akibat kemajuan teknologi yang pantas, terutamanya gelombang automasi dan kecerdasan buatan (AI).

Dalam senario sebegini, menuding jari kepada nasib atau menunggu pekerjaan datang bergolek bukanlah satu strategi, malah ia adalah satu tindakan yang merugikan.

Pengangguran bukan suratan takdir semata-mata; ia adalah cabaran yang menuntut respon yang berbeza daripada kelaziman.

Bersedia Mengubah Paradigma

Sebagai masyarakat yang prihatin, kita perlu jujur mengakui satu hakikat yang mungkin pahit untuk ditelan: tidak semua graduan akan dapat diserap masuk untuk bekerja di sektor awam mahupun korporat.

Kapasiti sektor-sektor ini mempunyai hadnya yang tersendiri.

Jika kita terus mendidik dan membina minda generasi muda dengan naratif lapuk bahawa "belajar rajin-rajin, nanti makan gaji," ramai anak muda kita bakal tersasar daripada landasan kehidupan yang produktif.

Lebih membimbangkan, mereka mungkin terperangkap dalam kitaran menunggu yang panjang, hilang keyakinan diri dan akhirnya menerima pekerjaan yang tidak setara dengan kelayakan serta potensi sebenar mereka.

Masalah ini bukan sekadar masalah ekonomi, tetapi masalah pemikiran.

Kita sedang memaksa belia bersaing merebut peluang pekerjaan yang semakin mengecil, sedangkan penyelesaiannya terletak pada perubahan paradigma.

Kita perlu beralih daripada melahirkan 'pencari kerja' (*job seeker*) kepada 'pencipta kerja' (*job creator*).

Perubahan ini bukan retorik kosong, tetapi menuntut transformasi menyeluruh dalam cara kita mendidik, membimbing dan menilai kejayaan seseorang graduan.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA Perkara : KPT

TAJUK ARTIKEL : PENGANGGURAN BUKAN TAKDIR, MINDA USAHAWAN MEMBUKA JALAN

SUMBER : BERNAMA - 27 MAC 2026

Kemampuan Minda Usahawan, Intai Peluang Tersembunyi

Apabila kita berbicara tentang keusahawanan, ramai yang masih terbayang imej membuka gerai atau berniaga kecil-kecilan semata-mata.

Tanggapan ini perlu diperbetulkan.

Minda usahawan dalam konteks abad ke-21 adalah lebih luas daripada itu.

Ia adalah tentang membentuk jati diri generasi yang berani mencuba, kreatif dan tangkas dalam menyelesaikan masalah.

Keusahawanan juga merangkumi inovasi sosial, perusahaan teknologi, ekonomi digital, serta model perniagaan baharu yang memanfaatkan rangkaian global tanpa sempadan.

Individu yang memiliki minda keusahawanan mampu melihat peluang tersembunyi di sebalik setiap cabaran yang mendatang.

Mereka tidak melihat masalah sebagai jalan mati, sebaliknya sebagai peluang untuk mencipta nilai baharu.

Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, individu sebegini lebih fleksibel dan cepat menyesuaikan diri.

Mereka mampu mengubah haluan, mempelajari kemahiran baharu dan meneroka pasaran alternatif tanpa terlalu bergantung kepada satu sumber pendapatan sahaja.

Sebagai contoh, graduan dalam bidang teknologi tidak seharusnya hanya menunggu tawaran kerja daripada syarikat multinasional.

Dengan kemahiran yang ada, mereka kini mempunyai keupayaan untuk memulakan perniagaan berasaskan aplikasi digital, menawarkan perkhidmatan secara bebas (*freelance*) di dalam talian, atau membangunkan penyelesaian berasaskan AI yang mampu memberi manfaat langsung kepada komuniti setempat.

Dengan pendekatan ini, mereka bukan sahaja menyelamatkan diri sendiri daripada kancas pengangguran, malah mencipta peluang pekerjaan untuk orang lain. Inilah definisi sebenar pencipta kerja.

Begitu juga graduan dalam bidang lain seperti pertanian, pendidikan, seni kreatif dan sains sosial.

Mereka boleh meneroka model perniagaan baharu seperti pertanian pintar, platform pembelajaran digital, kandungan kreatif berasaskan media sosial atau perkhidmatan konsultasi komuniti.

Dunia hari ini membuka ruang yang luas untuk mereka yang berani mencuba.

Modal terbesar bukan lagi wang semata-mata, tetapi idea, kemahiran dan keberanian untuk memulakan langkah pertama.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : KPT

TAJUK ARTIKEL : PENGANGGURAN BUKAN TAKDIR, MINDA USAHAWAN MEMBUKA JALAN

SUMBER : BERNAMA - 27 MAC 2026

Suburkan Budaya Keusahawanan

Menyedari keperluan mendesak ini, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) telah menggerakkan pelbagai usaha untuk menyuburkan budaya keusahawanan di peringkat universiti, termasuk penubuhan pusat-pusat keusahawanan dan penganjuran pelbagai program sokongan pelajar.

Namun, inisiatif ini perlu disusuli dengan komitmen jitu di peringkat universiti bagi memastikan graduan benar-benar dapat memanfaatkan peluang tersebut dalam dunia yang berubah pantas.

Pihak institusi memikul tanggungjawab besar untuk memastikan pendidikan keusahawanan ini tidak sekadar bersifat teori, sebaliknya memberi penekanan kepada pelaksanaan praktikal.

Namun begitu, walaupun inisiatif sebegini menyediakan platform dan peluang, keberkesanan pendidikan keusahawanan tidak boleh diukur di atas kertas semata-mata.

Tanggungjawab sebenar untuk memastikan graduan bersedia menghadapi dunia yang berubah pantas tetap terpikul di bahu individu dan institusi itu sendiri.

Pelajar perlu mengubah sikap daripada menunggu arahan kepada mencari peluang pembelajaran secara proaktif.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA Perkara : KPT

TAJUK ARTIKEL : PENGANGGURAN BUKAN TAKDIR, MINDA USAHAWAN MEMBUKA JALAN

SUMBER : BERNAMA - 27 MAC 2026

Mereka perlu membina rangkaian, menyertai pertandingan inovasi, menjalani latihan industri yang mencabar dan sentiasa meningkatkan kemahiran diri.

Pendidikan keusahawanan mesti bersifat praktikal. Para pelajar perlu diberikan ruang secukupnya untuk mencuba, melakukan kesilapan dan belajar daripada kegagalan tersebut dengan sokongan yang padu.

Tanpa pendedahan praktikal sebegini, kita bimbang kita hanya akan melahirkan graduan yang petah berbicara tentang teori perniagaan tetapi tidak mempunyai keberanian atau ketahanan mental untuk melaksanakannya di dunia nyata.

Kita tidak mahu graduan yang hanya tahu 'bercakap' tentang keusahawanan, tetapi takut untuk mengambil risiko.

Kesimpulannya, naratif bahawa pengangguran adalah satu nasib malang perlu dihentikan.

Ia sebenarnya adalah satu panggilan untuk melakukan perubahan.

Dalam mendepani ketidakpastian ekonomi global dan kepesatan teknologi yang tidak menentu, minda usahawan adalah satu-satunya jalan realistik untuk membina Malaysia yang berdaya saing, fleksibel, dan inklusif.

Generasi muda perlu diyakinkan bahawa kejayaan tidak lagi terhad kepada memiliki jawatan tetap semata-mata, tetapi kepada kemampuan mencipta nilai yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Kepada para graduan dan belia, jangan tunggu peluang datang mengetuk pintu.

Bangun dan ciptalah peluang itu sendiri.

Masa depan anda bukan ditentukan oleh surat tawaran kerja, tetapi oleh kemampuan anda untuk memberi nilai, menyelesaikan masalah dan mencipta pekerjaan sendiri.

Dengan keberanian, disiplin dan daya tahan yang tinggi, anda bukan sahaja mampu mengubah nasib diri, malah menjadi pemangkin kepada kemajuan negara.

-- BERNAMA

Prof Madya Sr Dr Nazirah Mohamad Abdullah ialah Pengarah Pusat Teknousahawan Universiti, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).